



PASUKAN debat SMKA Sheikh Haji. Mohd Said, Seremban bergambar kenangan selepas muncul johan debat bahasa Arab di Nilal, dekat Seremban, baru-baru ini.

SMKA Haji Mohd. Said juara debat bahasa Arab

SEREMBAN 24 Julai - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd. Said di sini muncul juara pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan dan Jemputan Nusantara 2012 bagi kategori peringkat kebangsaan yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini baru-baru ini.

Sebanyak 50 buah sekolah menengah dari dalam dan luar negara berentap dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan yang masuk edisi kelima dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama USIM.

Bagi kategori Jemputan Nusantara yang baru diperkenalkan tahun ini, diungguli pasukan debat dari

Madrasah Al Junied Al Islamiah, Singapura.

Juara bagi kedua-dua kategori tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala pusingan, piala iringan sekolah, piala pendebat, hadiah sumbangan penaja beserta sijil.

Dalam pada itu, SMKA Al Irsyad, Pulau Pinang yang merupakan johan tahun lalu hanya muncul sebagai naib johan dalam kategori kebangsaan dan membawa pulang RM1,000, piala iringan sekolah, piala pendebat, hadiah sumbangan penaja dan sijil.

Naib juara kategori Jemputan Nusantara pula jatuh kepada wakil pasukan dari Malaysia, Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang yang turut membawa pulang RM1,000, piala iringan sekolah, piala pendebat, hadiah sumbangan penaja dan sijil.

Sementara itu, Wan Amir Asyraf Romlee dari SMKA Sheikh Haji Mohd Said dinobatkan sebagai pendebat akhir terbaik peringkat kebangsaan, manakala Nur Afifah Kamarazaman dari Madrasah Al Junied Al Islamiah terpilih sebagai pendebat akhir terbaik kategori Jemputan Nusantara.

Kedua-dua pendebat terbaik menerima hadiah wang tunai RM500, piala pendebat, piala iringan penaja dan sijil.

Hadiah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran dan Institusi Pengajian Tinggi Negeri Sembilan, Datuk Shamsulkahar Mohd. Deli sambil diiringi Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.